

ORIGINAL ARTICLE



MJSSH
Muallim Journal of
Social Science and Humanities

MENINGKATKAN PENGUASAAN SEBUTAN BAHASA CINA DALAM KALANGAN PELAJAR BUKAN PENUTUR JATI DI SEKOLAH KEBANGSAAN

INCREASING NON-NATIVE LEARNERS TOWARDS CHINESE LANGUAGE PRONUNCIATION IN NATIONAL PRIMARY SCHOOLS

Chuah Kee Ping ^{*1}, Ngoi Guat Peng ², Afiqah Sabariah Khalidar ³

¹ Faculty of Languages and Communication, Sultan Idris Education University, Malaysia.

Email: kping_chuah@yahoo.com.hk

² Faculty of Languages and Communication, Sultan Idris Education University, Malaysia.

Email: gpngoi@fbk.upsi.edu.my

³ Faculty of Languages, Beijing Language and Culture University, China.

Email: afiqah2011@163.com

*Corresponding author

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/83>

Abstract

Subject of Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan (BCSK) is a first choice for students in the elective language offered in the national school. Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP) in Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan (BCSK), students are required to master the listening skills, speaking skills and writing skills. This paper is to identify factors that cause pronunciation error in Chinese Language done by non-native language learners in national primary schools. Factors of pronunciation error are divided into interlingual factors, intralingual factors and developmental error. Furthermore, effective teaching and learning (pdp) strategies to correct pronunciation errors are also proposed to increase to mastery the pronunciation among non-native students.

Keywords: Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan (BCSK), pronunciation, teaching and learning strategies

Abstrak

Mata pelajaran Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan merupakan pilihan utama oleh para pelajar dalam bahasa elektif yang ditawarkan di sekolah kebangsaan. Dalam Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP) Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan menyatakan para pelajar adalah

diwajibkan menguasai kemahiran mendengar, kemahiran bertutur dan kemahiran menulis. Kertas kerja ini adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan kesilapan sebutan dalam Bahasa Cina yang dilakukan oleh pelajar bukan penutur jati di sekolah kebangsaan. Faktor-faktor kesilapan sebutan adalah dibahagikan kepada faktor *interlingual*, faktor *intralingual* dan faktor kesilapan *developmental*. Seterusnya, strategi pengajaran dan pembelajaran (pdp) yang berkesan bagi membetulkan kesilapan sebutan juga dicadangkan untuk meningkatkan penguasaan sebutan Bahasa Cina dalam kalangan pelajar bukan penutur jati.

Kata Kunci: Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan, sebutan, strategi pengajaran dan pembelajaran

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 8th March 2020, revised 30th March 2020, accepted 10th April 2020

Pengenalan

Pelbagai langkah telah diambil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk mengukuhkan akses dan peluang untuk mempelajari bahasa lain seperti Bahasa Cina, Bahasa Tamil, Bahasa Arab serta bahasa ibunda lain seperti Bahasa Iban dan Bahasa Kadazan Dusun dan bahasa-bahasa lain yang terkemuka di institusi tertentu. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah diperkenalkan supaya semua murid dari semua kumpulan etnik dan komuniti digalakkan untuk belajar sekurang-kurangnya tiga bahasa untuk membolehkan mereka bekerjasama dan berkomunikasi secara berkesan dengan rakan dalam kalangan rakyat Malaysia dan juga negara jiran dalam dunia global masa kini (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013)¹. Maka, semua murid dari semua kumpulan etnik dan komuniti digalakkan untuk mempelajari sekurang-kurangnya tiga bahasa bagi membolehkan mereka bekerjasama dan berkomunikasi secara berkesan dengan rakan dalam kalangan rakyat Malaysia dan juga negara jiran dalam dunia global masa kini. Lantaran itu, mata pelajaran Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan (BCSK) telah dilancarkan mulai tahun 2008. BCSK merupakan bahasa elektif yang ditawarkan di kebanyakan sekolah kebangsaan di seluruh negara.

Kini Bahasa Mandarin atau *Huayu* (华语) mempunyai penutur yang paling banyak di dunia ini. Hampir 1.2 bilion orang (kira-kira 16% daripada penduduk dunia) menggunakan Bahasa Cina sebagai bahasa pertama mereka (sumber: dipetik dari Chinese Language, http://en.wikipedia.org/wiki/Chinese_language)². Memandangkan pembelajaran Bahasa Cina berkembang pesat, satu kecenderungan untuk mempelajari Bahasa Cina dalam kalangan penduduk di dunia turut meningkat. Oleh itu, berdasarkan perkembangan ini adalah wajar untuk menjalankan kajian yang berkaitan pembelajaran Bahasa Cina oleh penutur bukan jati, terutamanya pada peringkat sekolah kebangsaan.

Sebutan dalam Bahasa Cina

Fonetik ialah ilmu bahasa (linguistik) yang berkaitan dengan penyebutan kata dan lambang yang menunjukkan sebutannya. Pembelajaran bahasa asing dibahagikan kepada 3 bahagian, iaitu fonetik, perbendaharaan kata dan tatabahasa (Zao, 2003)³. Apabila seseorang mempelajari sesuatu bahasa, beliau mestilah bermula dengan sistem fonetik bahasa terlebih dahulu. Selain itu, fonetik merupakan suatu kajian tentang bunyi-bunyi bahasa yang dihasilkan oleh manusia iaitu bunyi yang digunakan sebagai alat komunikasi (Inderawati Zahid & Mardian Shah Omar, 2006)⁴.

Secara amnya, setiap suku kata dalam perkataan Bahasa Cina mengandungi fonem awal, fonem akhir dan juga nada. Nada dalam Bahasa Cina mempunyai nada yang tersendiri, iaitu pic tinggi, pic rendah, pic turun naik dan sebagainya telah menjadi keistimewaan semasa mempelajari Bahasa Cina (Zhang & Chen, 2005)⁵.

a. Fonem awal

Fonem awal dalam sistem fonetik merupakan konsonan pada permulaan suku kata. Terdapat 21 fonem awal dalam Bahasa Cina. Sebutan dan simbol-simbol pinyin adalah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1
Senarai Fonem Awal

/b/	/p/	/m/	/f/	/d/	/t/	/n/	/l/	/g/	/k/	/h/
/j/	/q/	/x/	/zh/	/ch/	/sh/	/r/	/z/	/c/	/s/	

b. Fonem akhir

Manakala, fonem akhir ialah vokal yang terletak selepas fonem awal dalam sesuatu suku kata. Fonem ini boleh dalam bentuk tunggal, majmuk atau dalam bentuk konsonan nasal pada akhir. Terdapat 38 fonem akhir dalam Bahasa Cina. Sebutan dan simbol-simbol *Hanyu Pinyin* adalah seperti dalam Jadual 2.


Jadual 2
Senarai Fonem Akhir

/er/			
/-i/	/i/	/u/	/ü/
/a/	/ia/	/ua/	
/o/		/uo/	
/e/			
/ê/	/ie/		/üe/
/ai/		/uai/	
/ei/		/uei/	
/ao/	/iao/		
/ou/	/iou/		
/an/	/ian/	/uan/	/üan/

/en/	/in/	/uen/	/ün/
/ang/	/iang/	/uang/	
/eng/	/ing/	/ueng/	
/ong/	/iong/		

c. Nada

Bahasa Cina merupakan bahasa bernada. Nada merupakan sebahagian daripada suku kata (Lee, Lau & Mok, 2004)⁶. Setiap suku kata Bahasa Cina bukan hanya terdiri daripada gabungan fonem awal dan fonem akhir sahaja, tetapi juga mengandungi sebutan nada. Nada yang berbeza membentuk suku kata dan makna yang berbeza (Zhou, 2006)⁷ (Rajah 1).



(Sumber: Massachusetts Institute of Technology, 2015)

Rajah 1. Sebutan nada yang berbeza

d. Tanda diakritik

Dalam satu suku kata yang mempunyai dua fonem, tanda diakritik ini akan ditandai di atas fonem akhir, iaitu di atas vokal seperti dalam Jadual 3. Contohnya: /tā/ (他 dia), /dá/ (答 menjawab), /nǎ/ (拿 ambil), /là/ (辣 pedas).

Jadual 3
Senarai Nada Pada Fonem Akhir

Nada pertama	:	/ā/	/ō/	/ē/	/ī/	/ū/	/ū̄/
Nada ke-2	:	/á/	/ó/	/é/	/í/	/ú/	/ú̄/
Nada ke-3	:	/ǎ/	/ǒ/	/ě/	/ǐ/	/ǔ/	/ǔ̄/
Nada ke-4	:	/à/	/ò/	/è/	/ì/	/ù/	/ù̄/

Dalam suku kata yang mempunyai tiga ataupun empat fonem iaitu akhirnya merupakan diftong atau triftong, tanda diakritik ini akan ditandai pada fonem akhir yang paling ketara sebutan vokalnya. Tanda-tanda diakritik terletak pada vokal yang paling ketara sebutannya. Sebagai contoh, /hǎo/ (好 baik), /hēi/ (黑 hitam), /kǒu/ (口 mulut), dan /dài/ (带 bawa).

Penyataan Masalah

Penguasaan sebutan dengan baik sangat penting untuk pelajar yang mengikuti bahasa asing (Liu, 1998)⁸. Para pelajar menyebut sebutan nada yang salah akan mendatangkan banyak kesan negatif semasa berkomunikasi dan berinteraksi dengan kawan-kawan (Zhou, 2006)⁷. Maka, daripada pengalaman mengajar Bahasa Cina sebagai bahasa elektif di sekolah kebangsaan yang terdiri daripada semua pelajar Melayu ialah penutur bukan jati, pengkaji mendapati salah satu daripada kesilapan bahasa yang paling ketara ialah kesilapan sebutan nada dalam pertuturan Bahasa Cina. Misalnya,

- i. /wǒ yào mǎi **huà**./ (我要买画。) -- Saya ingin beli **gambar**.
- ii. /wǒ yào mǎi **huā**./ (我要买花。) -- Saya ingin beli **bunga**.

Selain itu, semasa pengajaran dan pembelajaran Bahasa Cina dijalankan, bahasa “loghat asing” sering disebut oleh pelajar apabila mereka bertutur atau membaca Bahasa Cina dengan nada yang tidak tepat (Fu & Zhang, 2004; Liu, 1998; Wang, 2004)^{9,8,10}. Kebanyakan pelajar bukan penutur jati akan menghadapi kesukaran dan kesilapan dalam menyebut sebutan dalam fonem awal atau akhir dan nada dalam Bahasa Cina. Masalah ini lagi jelas dilihat ketika pelajar menyebut sebutan yang tidak terdapat dalam bahasa ibunda mereka (Yong, 2010)¹¹. Oleh itu, boleh disimpulkan bahawa penguasaan sebutan merupakan salah satu aspek pembelajaran yang paling sukar untuk pelajar yang mempelajari Bahasa Cina (Wu, 1993)¹².

Sebaliknya, Bahasa Malaysia merupakan bahasa yang mempunyai nada, tetapi ia tidak diberikan penekanan (Lee, Lau & Mok, 2004)⁶. Kebiasaannya, Bahasa Malaysia mempunyai kombinasi nada pertama dan nada keempat, misalnya “*Se(55)la(55)mat(51) Da(55)tang(51)*”. Tetapi pelajar akan menggunakan kombinasi nada pertama dan nada keempat untuk menyebut kata dwisuku dalam Bahasa Cina. Maka, mereka akan menghadapi masalah dalam penguasaan sebutan nada kedua dan nada ketiga kerana bahasa ibunda mereka merupakan bahasa yang tiada nada. Ini adalah selari dengan dapatan kajian oleh Lee, Lau & Mok (2004)⁶, Yu & Wang (2005)¹³, Zhang & Chen (2005)⁵, Cheng (2006)¹⁴, Chen (2010)¹⁵ yang masing-masing menunjukkan sebutan nada kedua merupakan kesilapan yang paling tinggi dilakukan oleh pelajar bukan penutur jati, di mana bahasa ibunda yang tidak mempunyai nada tersebut.

Objektif Kajian

Secara khususnya, objektif kajian ini adalah untuk:

- i. mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan pelajar membuat kesilapan dalam sebutan Bahasa Cina,
- ii. mencadangkan strategi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dalam sebutan Bahasa Cina.

Kesilapan Bahasa Cina

Kesilapan tidak seharusnya berlaku sekiranya kita mencapai teknik pengajaran yang sempurna (Corder, 1982)¹⁶. Maka, kesilapan sebutan yang dilakukan oleh pelajar apabila mempelajari bahasa

sasaran adalah menunjukkan bahawa terdapat kekurangan di dalam teknik pengajaran. Manakala, Richards (1974)¹⁷ dalam kajian pula menyatakan kesilapan bahasa berlaku disebabkan oleh tiga jenis faktor, iaitu *interlingual* (gangguan bahasa ibunda), faktor *intralingual* (yang disebabkan oleh bahasa sasaran sendiri) dan kesilapan *developmental* (kesilapan perkembangan). Hal ini dijelaskan oleh Richard (1974)¹⁷ seperti dibawah:

“...interlanguage errors; that is, errors caused by the interference of the learner’s mother tongue ...intralingual and developmental errors reflect the learner’s competence at a particular stage, and illustrate some of the general characteristics of language acquisition. ”

a. Faktor *Interlingual*

Faktor *interlingual* merujuk kepada faktor yang berkaitan dengan perihal bahasa (Richards, 1974)¹⁷. Dalam kajian ini, didapati faktor *interlingual* yang menyebabkan subjek kajian melakukan kesilapan sebutan dalam Bahasa Cina.

Gangguan bahasa ibunda

Faktor ini boleh dirujuk kepada gangguan bahasa ibunda. Pengaruh bahasa pertama dan bahasa kedua merupakan satu aspek yang tidak dapat diketepikan dalam pemerolehan bahasa asing. Gangguan bahasa ibunda merupakan masalah utama dalam proses pembelajaran bahasa sasaran (Richards, 1971)¹⁸. Pelajar akan menghadapi masalah dalam penguasaan sebutan nada dalam Bahasa Mandarin sekiranya bahasa ibunda merupakan bahasa yang tiada nada (Lu, 1984)¹⁹. Oleh itu, boleh disimpulkan bahawa gangguan bahasa ibunda merupakan faktor utama yang mendorong pelajar melakukan kesilapan sebutan nada (Soh, 1996; Lee, Lau & Mok, 2004; Cheun, Hoe & Ho, 2005; Deng, 2010; Jiang, 2011; Li, 2011; Shin, 2012; Ang et al, 2013 & Liu, 2014)^{20, 6, 21, 22, 23, 24, 25, 26, 27}.


b. Faktor *Intralingual*

Faktor *intralingual* merujuk kepada faktor yang disebabkan oleh bahasa sasaran sendiri (Richards, 1974)¹⁷. Kebiasaan subjek kajian akan membuat anggapan yang kurang tepat terhadap bahasa sasaran/kedua (L2) dan seterusnya melakukan kesilapan dalam penyebutan. Faktor ini dirujuk kepada pengaruh suku kata.

Pengaruh Suku Kata

Sebutan nada dalam sesuatu suku kata akan dipengaruhi oleh sebutan yang sebelum atau selepasnya (Lee, Lau & Mok, 2004; Shin 2012)^{6,25}. Sebagai contoh,

/... ..., tā qùnián tuì xīu le/
[... ..., 他去年退休了]



↪ ↪
/... ..., tā qūnián tuì xiū le/
[... ..., 他去年退休了]

Berdasarkan contoh di atas, perkataan /qù/ (nada keempat) telah diubah kepada /qū/ (nada pertama) adalah disebabkan pengaruh oleh suku kata yang terletak di sebelumnya, iaitu perkataan /tā/ (nada pertama).

/Müqin shì yí gè jiā tíng zhǔfù/ → /Mùqin shì yìgè jiā tíng zhǔfù/

[母亲是一个家庭主妇] [母亲是一个家庭主妇]

Dalam contoh di atas, perkataan /mǔ/ akan disalah sebut apabila terpengaruh oleh perkataan terletak selepas /shì/ (nada keempat). Oleh itu, pelajar akan menyebut sebutan tersebut kepada /mù/. Perkataan /gè/, /tíng/, /zhǔ/ juga dipengaruhi oleh perkataan yang terletak di sebelum perkataan tersebut.

c. Faktor Kesilapan *Developmental*

Faktor kesilapan *developmental* adalah merujuk kepada faktor-faktor yang tidak berkaitan dengan elemen bahasa ataupun di luar skop linguistik (Richards, 1974)¹⁷. Subjek kajian membuat hipotesis-hipotesis yang salah mengenai bahasa sasaran akibat kurang pemahaman tentang sistem bahasa tersebut.

Terkeliru dari Segi Cara Artikulasi

Cheng (2006)¹⁴ dan Jiang (2011)²³ mendapati nada ketiga merupakan kesilapan yang paling tinggi dilakukan oleh pelajar bukan penutur jati. Ini adalah disebabkan kekeliruan terhadap sebutan nada ketiga. Nada ketiga (pic nada 214) merupakan sejenis nada menurun dan meningkat (升降调). Ia adalah bermula dari 2 darjah (二度) menurun ke 1 darjah (一度) dan akhirnya menaik ke 4 darjah (四度) (Zhou, 2006)⁷. Menurut Deng (2010)²², nada ketiga merupakan nada yang paling sukar dan selalu terkeliru oleh pelajar bukan penutur jati. Punca yang menyebabkan subjek kajian melakukan kesilapan dalam menyebut nada ketiga adalah disebabkan pic sebutan nada yang tidak mencapai piawai (发音不到位) dan latihan sebutan nada yang tidak mencukupi (发音不熟练). Kebiasaannya, subjek kajian terkeliru dalam menyebut nada ketiga yang melibatkan elemen bunyi “turun-naik” dalam sebutan satu nada (Lu, 1984)¹⁹. Menurut dapatan kajian Lee, Lau dan Mok (2004)⁶, terdapat 40% subjek kajian berasa sukar untuk “melenggokkan” ataupun “twist” lidah apabila hendak menyebut nada ketiga. Oleh itu, mereka lebih cenderung menyebut nada dengan nada secara mendatar atau menurun.

Pendedahan dan Persekitaran Pembelajaran

Lee, Lau dan Mok (2004)⁶ mendapati bilangan pelajar yang terlalu ramai dalam satu kelas menyebabkan pensyarah kurang memberi perhatian secara individu yang sepenuhnya kepada setiap pelajar dalam kelas. Tambahan pula, disebabkan ketidaklengkapan kemudahan makmal bahasa, para pelajar juga tidak dapat menjalankan latihan sebutan secara sendiri, iaitu merakam

dan mendengar balik sebutan, di samping memperbetulkan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar. Akibatnya, pelajar akan terus melakukan kesilapan yang sama sekiranya ketidaktelitian kemudahan pengajaran dan pembelajaran. Membeczka (2008)²⁸ pula menyatakan bahawa kekerapan seseorang terdedah kepada sesuatu bahasa turut memainkan peranan yang besar. Semakin banyak masa seseorang terdedah kepada bahasa yang sedang dipelajari, maka semakin mudah seseorang menyerap sebutan bahasa tersebut.

Waktu perkuliahan

Waktu perkuliahan yang panjang akan menyebabkan tahap penguasaan pelajar terhadap sebutan nada boleh dipertingkatkan. Dapatan ini disokong oleh dapatan kajian Fa'izah et al. (2010)²⁹, Cheun dan rakan-rakan (2009)²¹, Sandip (2013)³⁰ dan Membeczka (2008)²⁸ bahawa masa pengajaran bahasa yang singkat menyebabkan pelajar lemah dan tidak dapat menguasai bahasa dengan baik. Selain itu, dapatan soal selidik oleh Shin (2012)²⁵ juga berpendapat bahawa faktor utama yang menyebabkan pelajar tidak dapat menguasai sebutan Bahasa Cina adalah disebabkan waktu perkuliahan yang tidak mencukupi. Oleh itu, jelaslah dilihat waktu perkuliahan yang tidak cukup akan menyebabkan pelajar tidak bermotivasi untuk mempelajari dan menguasai kemahiran sebutan Bahasa Cina.

Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan

Beberapa langkah bagi membantu pelajar untuk mempertingkatkan penguasaan sebutan Bahasa Cina, khususnya untuk pelajar bukan penutur jati. Menurut Guo (1993)³¹, nyanyi lagu merupakan satu kaedah meningkatkan sebutan pelajar. Dalam PdP sebutan, jika hanya menyebut perkataan ia tidak menghadapi sebarang masalah bagi kalangan pelajar Melayu tetapi apabila disebut dalam satu ayat dalam bahasa Cina, ia akan mengalami pelbagai kesilapan. Nyanyian lagu bukan sahaja dapat membantu pelajar bukan penutur jati menghafaz lirik dalam Bahasa Cina, malahan ia juga dapat membantu pelajar merasai konsep pelbagai sebutan dalam Bahasa Cina.

Selain itu, kesukaran pelajar bukan penutur jati dalam mempelajari sebutan nada adalah disebabkan kekurangan tanda-tanda isyarat, sekiranya pengajaran sebutan nada mempunyai tanda-tanda isyarat, ia akan memudahkan pelajar bukan penutur jati dalam mempelajari sebutan nada (Jiang, 2011; Ji, 2010)^{23, 32}. Sebagai contoh, pelajar bukan penutur jati dapat merasai jenis sebutan nada dan ketinggian pic nada semasa pengajaran dan pembelajaran, terutamanya ia dapat membantu pelajar bukan penutur jati melafazkan sebutan nada perkataan. Oleh itu, membuat tanda-tanda isyarat pada semua sebutan semasa mempelajari sebutan.

Akhirnya, penekanan guru terhadap pengajaran dan pembelajaran sebutan akan mempertingkatkan penguasaan pelajar bukan penutur jati dalam sebutan Bahasa Cina. Guru-guru biasanya hanya menggunakan masa yang singkat untuk menjalankan latihan sebutan dalam pengajaran dan pembelajaran kelas Bahasa Mandarin (Liu, 2014)²⁷. Jika pelajar bukan penutur jati tidak menguasai sebutan, pelbagai masalah akan timbul dalam pembelajaran selanjutnya. Pelajar juga boleh diminta memberi perhatian dan tumpuan bentuk dan kedudukan bibir dan lidah apabila sesuatu bunyi bahasa disebut. Selepas mempelajari sebutan nada, fokus baru dialihkan kepada suku kata dan tatabahasa.

Kesimpulan

Berdasarkan kajian yang diperolehi, dapat disimpulkan bahawa faktor-faktor berlakunya kesukaran dan kesilapan sebutan Bahasa Cina dalam kalangan pelajar bukan penutur jati adalah faktor *interlingual* (gangguan bahasa ibunda), faktor *intralingual* (yang disebabkan oleh bahasa sasaran sendiri) dan faktor kesilapan *developmental* (kesilapan perkembangan). Faktor-faktor ini adalah berkait rapat dengan latar belakang bahasa ibunda dan kesediaan pelajar sendiri dalam mempelajari bahasa yang baharu. Seterusnya, guru juga haruslah memainkan peranan yang penting semasa menyampaikan sebutan yang betul dengan kalangan pelajar bukan penutur jati. Guru harus sentiasa berusaha memotivasi pelajar dengan memuji mereka (Rukmani Devi Balakrishnan, Hari Krishnan Andi, 2019)³³ supaya mereka bersedia untuk mempelajari sebutan dengan betul pada masa depan. Pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dapat menarik minat pelajar dengan mudah dan menyeronokkan semasa mempelajari Bahasa Cina.

Rujukan

1. Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
2. Chinese language. (2015, Januari 15). Chinese Language. Dipetik dari https://en.wikipedia.org/wiki/Chinese_language
3. Zao, Y. R. (2003). *语言问题 [Masalah bahasa]*. Beijing: The Commercial Press University.
4. Inderawati Zahid & Mardian Shah Omar. (2006). *Fonetik dan fonologi*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn Bhd.
5. Zhang, K. J. & Chen, L. M. (2005). 日本学生学习华语的声调偏误分析：以二字为例 [Analisis kesilapan sebutan nada dalam pembelajaran Bahasa Mandarin oleh pelajar Jepun: pemilihan kata dwisuku sebagai contoh]. *ROCLING XVII: Conference on Computational Linguistics and Speech Processing (ROCLING 2005)*, 1, 125-139.
6. Lee, A. C., Lau, S. K. & Mok, S. S. (2004). *Kesilapan sebutan fonem awal dan nada dalam pertuturan Bahasa Mandarin: Satu kajian kes terhadap pelajar interseksi peringkat diploma, UiTM Shah Alam*. Shah Alam: Institut Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan, Universiti Teknologi Mara.
7. Zhou, Y. M. (2006). *现代汉语 [Bahasa Modern (Bahasa Mandarin)]*. Beijing: Beijing Normal University Press.
8. Liu, Y. (1998). 日韩学生的汉语声调分析 [Analisis kesilapan sebutan nada pelajar Japan dan Korea]. *Chinese Teaching in the World*, 1, 94-99.
9. Fu, S. M. & Zhang, W. J. (2004). 越南留学生的汉语声母偏误分析 [Analisis kesilapan fonem awal untuk pelajar Vietnam]. *Chinese Teaching in the World*, 2, 69-81.
10. Wang, G. P. (2004). An experimental study on errors in articulating 3+3 tone Sandhi of Bisyllable of Mandarin produced by overseas Indonesian students of Chinese origin. *Journal of College of Chinese Language and Culture of Jinan University*, 4, 9-20.
11. Yong Chyn Chye et al., (2010). Strategi Pelajar Antarabangsa Belajar Bahasa Melayu di Institusi Pengajian Tinggi dlm. *Proceedings of 4th International Conference on Teacher Education*; Join Conference UPI & UPSI, Bandung, Indonesia.

12. Wu, Z. J. (1993). *汉语声调语调阐要与探索* [Penjelasan dan penerokaan sebutan nada Bahasa Mandarin]. Beijing: Beijing Language and Culture University Publishing House.
13. Yu, J. & Wang, H. (2005). An analysis of the tone errors of the Nepalese students. *Journal of Yunnan Normal University*, 3(3), 19-23.
14. Cheng, Y. (2006). *An analysis on errors in the third tone of by-syllable of Mandarin produced by the junior stage overseas Indonesian students of Chinese origin* (Tesis Sarjana tidak diterbitkan). Jinan University, Guangzhou, China.
15. Chen, M. (2010). Analysis of Chinese pronunciation errors made by beginners of Thai students and countermeasures. *Journal of Liuzhou Teacher College*. 25(5), 52-54.
16. Corder, S.P. (1982). *Introducing Applied Linguistics*. Penguin Books.
17. Richards, J. C. (1974). *Errors Analysis: Perspectives on Second Language Acquisition*. London: Longman.
18. Richards, J. C. (1971). A non-contrastive Approach to Error. *English Language Teaching*, Vol. 25, No. 3, 204-219.
19. Lu, J. J. (1984). 中介语理论与外国人学习汉语的语音偏误分析 [Teori interlingual dan analisis kesilapan sebutan pelajar asing yang mempelajari Bahasa Mandarin]. *Yuyan Jiaoxue Yu Yanjiu*, 3, 44-56.
20. Soh, B. K. (1996). *Frasa nama Bahasa Melayu dan Bahasa Mandarin: satu analisis kontrastif dan analisis kesilapan* (Tesis Sarjana tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
21. Cheun, H. H., Hoe, F. T., & Ho, W. C. (2009). Kajian tentang pengajaran dan pembelajaran susun ayat Bahasa Mandarin di UiTM. *Proceeding Language and Culture: Creating and Fostering Global Communitie, Vol 2*, 103-113.
22. Deng, X. F. (2010). *The comparison of errors in Mandarin acquisition between Chinese students and non-Chinese students of Medan, Indonesia* (Tesis Sarjana tidak diterbitkan). Jinan University, Guangzhou, China.
23. Jiang, C. Y. (2011). *韩国留学生习得汉语声调研究* [Analisis sebutan nada pelajar Korea dalam pembelajaran Bahasa Mandarin] (Tesis Sarjana tidak diterbitkan). Liao Ning Normal University, China.
24. Li, J. L. (2011). *印尼学生汉语声调的偏误分析* [Analisis kesilapan sebutan nada Bahasa Mandarin pelajar Indonesia] (Tesis Sarjana tidak diterbitkan). Shanghai Teachers University, China.
25. Shin, J. (2012). *The teaching and the compiling schemes of the teaching materials centering on the Chinese tones of Korean students* (Tesis Sarjana tidak diterbitkan). Xinjiang University, China.
26. Ang, L. H., Lau, S. K., Sheena Kaur, Tay, Y. L., Hazlina Abdul Halim & Roslina Mamat. (2013, Jul). *Analisis kesilapan tersalah letak kata nama bahasa Cina*. Kertas dibentang di 4th MICFL Malaysia International Conference on Foreign Languages 2013, 1-12.
27. Liu, Y. (2014). *对韩国留学生汉语上声变调偏误的实验语音学分析* [Analisis kesilapan modifikasi nada pelajar Korea] (Tesis Sarjana tidak diterbitkan). Heilongjiang Universiti, Heilongjiang, China.

28. Membeczka, E. (2008). Improving students' pronunciation by means of retelling and reading aloud activities. Dipetik dari <http://www.scribd.com/doc/6114490/IMPROVING-STUDENTSPRONUNCIATION-BY-MEANS-OF-RETELLING-AND-READINGALLOUD-ACTIVITIES>
29. Fa'izah Abd Manan, Mohamed Amin Embi & Zamri Mahamod. (2010). Kerangka pembangunan dan penilaian modul belajar cara belajar Bahasa Melayu pelajar asing institut pengajian tinggi Malaysia. *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 2(2), 64-76.
30. Sandip, K. S. (2013). *Error analysis of Chinese pronunciation of Indian students and how to counter through teaching methods* (Tesis Sarjana tidak diterbitkan). Shandong Teachers University, China.
31. Guo, J. F. (1993). 汉语声调语调阐要与探索 [Penjelasan dan mengenal pasti nada dan intonasi Bahasa Mandarin]. Beijing: Beijing Yuyan Chu Ban She.
32. Ji, X. B. (2010). An error analysis of the tones of Chinese disyllables by the Arab Chinese-learning beginners. *Journal of Yunnan Teachers University*, 8(5), 33-41.
33. Rukmani Devi Balakrishnan & Hari Krishnan Andi. (2019). Factors associated with school refusal behaviour in primary school students. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) Online*, 3(1), 1-13